


**NASKHAH
PENTAKSIR****BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 1**

[40 markah]

TEMA : SUKAN DAN REKREASI

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI

Aktiviti sukan dan rekreasi bersentuhan fizikal membabitkan pengoperasian fasiliti sukan dan rekreasi terbuka dibenarkan kepada individu yang telah melengkapkan pengambilan vaksin. Kebenaran ini diberikan secara bersyarat, iaitu semua individu perlulah mematuhi Prosedur Operasi Standard yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. **Aktiviti sukan dan rekreasi berpasukan membabitkan sentuhan fizikal seperti bola sepak, bola tampar dan sepak takraw dibenarkan mengikut kapasiti penuh.** Aktiviti kecergasan individu seperti senamrobik, zumba dan seumpamanya yang dilakukan secara berkumpulan juga dibenarkan. Aktiviti yang dilakukan haruslah memenuhi 50 peratus kapasiti tempat tersebut dan tidak melebihi 50 orang dengan seliaan jurulatih. Tegasnya, setiap individu perlulah mematuhi peraturan yang ditetapkan untuk mengawal penularan COVID-19 agar kebenaran ini tidak ditarik balik.

Dipetik dan diubahsuai daripada
'Aktiviti Sukan, Rekreasi Bersentuhan Fizikal Dibenarkan'
oleh Faris Fuad,
www.bharian.com.my

[Lihat halaman sebelah

SOALAN

1. Nyatakan aktiviti sukan dan rekreasi berpasukan membabitkan sentuhan fizikal yang dibenarkan mengikut kapasiti penuh.
2. Apakah yang perlu dilakukan oleh setiap individu agar kebenaran ini tidak ditarik balik?
3. Pada pendapat anda, apakah faedah-faedah bersukan kepada setiap individu?
4. Huraikan langkah-langkah untuk menggalakkan masyarakat bersukan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**JAWAPAN :**

- ✓ Soalan 1 – Ayat yang **BERHURUF TEBAL**
- ✓ Soalan 2 – Ayat yang **BERGARIS**

**NASKHAH
PENTAKSIR****BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 2****[40 markah]****TEMA : KERJAYA**

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PAKAIAN TERPAKAI MENJANAKAN PENDAPATAN LUMAYAN

Peminat baju terpakai sanggup membayar RM10 000 untuk mendapatkan sehelai baju kemeja-t terpakai yang memaparkan karakter kartun. **Dahulu orang menganggap bahawa barangan terpakai sebagai barang lusuh dan murah tetapi sekarang persepsi itu sudah berubah.** Barangan terpakai seperti baju, seluar dan beg tangan dikatakan mempunyai 1001 misteri kerana bukan sahaja boleh dijual pada harga tinggi tetapi barangan bernilai yang lain pun boleh ditemui. Antara barangan bernilai yang pernah ditemui peniaga barangan terpakai ialah jam tangan emas dan mata wang asing. Kini, barangan terpakai dipandang seperti emas yang mempunyai nilai tinggi kerana semakin lama usia barangan tersebut, harganya semakin mahal. Hobi mengumpul koleksi barangan terpakai menjadi kegilaan generasi muda kerana mereka menyedari barangan terpakai mampu menjana pendapatan yang lumayan.

Dipetik dan diubahsuai daripada
'Koleksi 'bundle' Jana Pendapatan Lumayan'
oleh Poliana Ronnie Sidom,
Berita Harian, 12 Jun 2019

[Lihat halaman sebelah

SOALAN

1. Apakah anggapan orang ramai terhadap barangan terpakai?
2. Nyatakan sebab barangan terpakai dipandang seperti emas.
3. Pada pendapat anda, apakah kelebihan-kelebihan menjalankan perniagaan sendiri?
4. Jelaskan cara-cara untuk menggalakkan golongan muda menceburi bidang perniagaan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**JAWAPAN :**

- ✓ Soalan 1 – Ayat yang **BERHURUF TEBAL**
- ✓ Soalan 2 – Ayat yang **BERGARIS**

**NASKHAH
PENTAKSIR****BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 3****[40 markah]****TEMA : JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN**

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PERPADUAN MEMPERKUKUH PATRIOTISME

Sebagai rakyat Malaysia, kita harus mempunyai rasa bangga dan cinta akan negara. Oleh itu, **semangat patriotik mesti disemai di sekolah dan di rumah untuk membolehkan generasi muda menghormati simbol kedaulatan negara kita seperti Jalur Gemilang.** Pembangunan sosial melalui aktiviti kemasyarakatan seperti sukan, lawatan dan gotong-royong harus diteruskan untuk meningkatkan integrasi masyarakat dan semangat kejiranan dalam komuniti. Aktiviti mengibarkan Jalur Gemilang pada bulan kemerdekaan bukanlah satu-satunya cara untuk menunjukkan semangat patriotisme kepada negara. Rakyat Malaysia dapat menunjukkan semangat patriotisme melalui kata-kata, pemikiran dan tindakan mereka. Bersikap patriotik juga bermaksud seseorang boleh menyumbangkan pandangan dan pendapat yang membawa kebaikan kepada masyarakat dan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Perpaduan Masyarakat Perkukuh Patriotisme'
oleh Tan Sri Lee Lam Thye.
Berita Harian, 15 Ogos 2020

[Lihat halaman sebelah

SOALAN

1. Nyatakan sebab semangat patriotik perlu disemai.
2. Selain mengibarkan Jalur Gemilang, bagaimanakah rakyat Malaysia menunjukkan semangat patriotik kepada negara?
3. Pada pendapat anda, bagaimanakah pihak sekolah boleh menyemai semangat patriotik dalam kalangan murid?
4. Huraikan kepentingan-kepentingan semangat patriotik dalam diri masyarakat Malaysia.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**JAWAPAN :**

- ✓ Soalan 1 – Ayat yang **BERHURUF TEBAL**
- ✓ Soalan 2 – Ayat yang **BERGARIS**

**NASKHAH
PENTAKSIR****BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 4***(40 markah)***TEMA : BAHASA DAN KESUSASTERAAN**

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

BAHASA ROJAK

Bahasa rojak merupakan gaya pertuturan yang mencampurkan pelbagai bahasa dalam perbualan. Penggunaan bahasa rojak yang meluas terutamanya dalam kalangan remaja amat membimbangkan. **Punca utama penggunaan bahasa rojak ialah sikap penutur sendiri yang ingin menonjolkan kehebatannya dalam menguasai bahasa asing.** Kebanyakan penutur bahasa rojak biasanya mengalami kesukaran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan betul. Oleh sebab itu, mereka cuba menggunakan bahasa Inggeris dalam perbualan harian meskipun tidak mempunyai kemahiran bahasa tersebut. Selain itu, penggunaan bahasa rojak dalam media cetak dan media sosial turut menyumbang permasalahan ini. Hal ini disebabkan kebanyakan media tidak menitikberatkan penggunaan bahasa Melayu yang betul untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Penggunaan Bahasa Rojak dalam Kalangan Masyarakat',
<http://bahasarojakkita.blogspot.com>

[Lihat halaman sebelah

SOALAN

1. Nyatakan sebab penggunaan bahasa rojak berlaku.
2. Bagaimanakah media turut menjadi penyumbang kepada penggunaan bahasa rojak?
3. Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan penggunaan bahasa rojak?
4. Huraikan peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak menggunakan bahasa Melayu yang betul.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**JAWAPAN :**

- ✓ Soalan 1 – Ayat yang **BERHURUF TEBAL**
- ✓ Soalan 2 – Ayat yang **BERGARIS**

**NASKHAH
PENTAKSIR****BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 5**

[40 markah]

TEMA : KESELAMATAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KESELAMATAN DI JALAN RAYA

Setiap penunggang perlu lebih berhati-hati ketika menggunakan jalan raya. Hal ini dikatakan demikian kerana **mereka merupakan antara kumpulan pengguna jalan raya yang paling terdedah dan berisiko tinggi terlibat dalam kemalangan jalan raya**. Bagi mengurangkan risiko kemalangan, mereka perlu mengikuti beberapa langkah keselamatan di jalan raya. Antaranya adalah dengan membiasakan diri untuk memakai pakaian berwarna cerah pada waktu malam. Jaket keselamatan hendaklah sentiasa dipakai, menjaga jarak motosikal dengan kenderaan lain dan memberikan laluan kepada kenderaan lain untuk memotong. Mereka perlu memberikan isyarat sebelum menukar lorong. Selain itu, elakkan perbuatan mencelah di tengah-tengah kenderaan lain kerana bukan sahaja membahayakan diri malah melibatkan nyawa pengguna jalan raya yang lain.

Dipetik dan diubah suai daripada
'10 Tips Mengelakkan Kemalangan Jalan Raya',
<http://www.prihatinspanco.com.my>

[Lihat halaman sebelah

SOALAN

1. Mengapakah penunggang motosikal perlu lebih berhati-hati ketika berada di jalan raya?
2. Nyatakan langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil semasa menunggang motosikal.
3. Pada pendapat anda, mengapakah kadar kemalangan yang melibatkan penunggang motosikal dikatakan agak tinggi?
4. Jelaskan kesan-kesan kemalangan jalan raya.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**JAWAPAN :**

- ✓ Soalan 1 – Ayat yang **BERHURUF TEBAL**
- ✓ Soalan 2 – Ayat yang **BERGARIS**

**NASKHAH
PENTAKSIR****BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 6**

[40 markah]

TEMA : SEJARAH DAN WARISAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KEPENTINGAN MATA PELAJARAN SEJARAH

Pada masa ini, mata pelajaran Sejarah bukan lagi satu mata pelajaran yang asing kepada murid-murid. Sejak sekolah rendah, mereka sudah mempelajari mata pelajaran ini. Tambahan pula, **mata pelajaran sejarah telah diwajibkan lulus bagi semua calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 2013.** Oleh itu, semua murid perlu berusaha untuk mempelajari mata pelajaran Sejarah kerana banyak faedah yang dapat diperoleh melalui mata pelajaran ini. Sejarah dapat mengelakkan diri kita daripada mengulangi sesuatu kesilapan. Banyak kesilapan manusia berlaku kerana tidak mengambil iktibar daripada sejarah. Kesilapan yang dilakukan oleh masyarakat terdahulu sepatutnya menjadi pengajaran, manakala kebaikan yang dilaksanakan oleh mereka diteruskan. Kita mesti mengisi kemerdekaan dengan membangun dan memajukan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada,
'Buku Teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 5',
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020

[Lihat halaman sebelah]

SOALAN

1. Bilakah mata pelajaran sejarah diwajibkan lulus bagi semua calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)?
2. Nyatakan faedah mempelajari mata pelajaran Sejarah.
3. Pada pendapat anda, apakah punca-punca mata pelajaran Sejarah kurang diminati?
4. Jelaskan cara-cara untuk menarik minat murid mempelajari mata pelajaran Sejarah.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**JAWAPAN :**

- ✓ Soalan 1 – Ayat yang **BERHURUF TEBAL**
- ✓ Soalan 2 – Ayat yang **BERGARIS**

**NASKHAH
PENTAKSIR****BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 7**

[40 markah]

TEMA : PERTANIAN, PERIKANAN DAN PENTERNAKAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

AKTIVITI PERIKANAN

Sektor perikanan di rantau Asia Pasifik merupakan sektor ekonomi yang penting. Sektor ini penting kerana sebahagian besar negara Asia Pasifik dikelilingi oleh lautan luas yang kaya dengan sumber-sumber perikanan. Selain itu, tradisi pemakanan penduduk Asia Pasifik yang menjadikan sumber perikanan sebagai protein utama untuk melengkapi sumber karbohidrat, iaitu beras. Antara negara Asia Pasifik yang maju dengan sektor perikanan ialah Jepun, China, dan Thailand. Bagi negara Malaysia, kegiatan perikanan merupakan salah satu sektor yang penting kepada ekonomi negara. Namun begitu kemajuan dalam sektor ini masih di tahap yang rendah dibandingkan dengan negara Jepun dan Thailand. Antara negara Asia Pasifik yang menjalankan aktiviti perikanan adalah seperti Vietnam, Indonesia, Filipina, Korea Selatan, dan Korea Utara serta negara-negara Oceania seperti Australia dan New Zealand.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Jenis Dan Ciri Aktiviti Perikanan Di Malaysia'
anjungmuor.com. 23 Mac 2021

[Lihat halaman sebelah]

SOALAN

1. Mengapakah sektor perikanan di rantau Asia Pasifik penting?
2. Nyatakan negara Asia Pasifik yang menjalankan aktiviti perikanan.
3. Pada pendapat anda, apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan?
4. Jelaskan produk-produk yang boleh dijual dalam industri perikanan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**JAWAPAN :**

- ✓ Soalan 1 – Ayat yang **BERHURUF TEBAL**
- ✓ Soalan 2 – Ayat yang **BERGARIS**

**NASKHAH
PENTAKSIR****BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 8***(40 markah)***TEMA : ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU**

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Pemerkasaan teknologi hijau seiring teknologi terkini untuk mengurangkan kesan pencemaran daripada sisa buangan, contohnya kertas dan plastik. **Contoh implementasi teknologi hijau ialah penjagaan alam sekitar dengan mengurangkan penggunaan kertas dalam kehidupan seharian, termasuk di tempat kerja.** Dunia juga mengiktiraf 6 November sebagai Hari Tanpa Kertas. Penggunaan kertas tanpa had dan kawalan akan mengakibatkan kemusnahan alam sekitar. Jika tidak dibendung, masalah ini akan meningkatkan penghasilan karbon dioksida yang menyebabkan peningkatan pemanasan global lebih pantas. Malaysia sendiri pernah digelar 'tong sampah dunia' apabila negara maju membuang sisa plastik mereka ke negara ini. Jika pembuangan sisa plastik tidak terkawal, perkara ini akan mengakibatkan pembebasan kimia yang akan mendatangkan pencemaran dan penyakit. Bahan kimia dibebaskan daripada pembakaran plastik akan merosakkan organ dalaman manusia.

Sumber : Internet

[Lihat halaman sebelah

SOALAN


1. Nyatakan contoh implementasi teknologi hijau.
2. Apakah akibat pembuangan sisa plastik tidak terkawal?
3. Pada pendapat anda, mengapakah masyarakat mengabaikan teknologi hijau dalam kehidupan?
4. Huraikan peranan semua pihak untuk menyedarkan masyarakat supaya mengamalkan teknologi hijau.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**JAWAPAN :**

- ✓ Soalan 1 – Ayat yang **BERHURUF TEBAL**
- ✓ Soalan 2 – Ayat yang **BERGARIS**

**NASKHAH
PENTAKSIR****BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 9***[40 markah]***TEMA : PERPADUAN**

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

rukun Negara ASAS PERPADUAN

Rukun Negara menetapkan lima prinsip yang menjadi tonggak kesejahteraan dan keharmonian negara. **Rukun Negara diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia ke-13 oleh Yang di-Pertuan Agong Ke-4.** Rukun Negara diperkenalkan berikutan peristiwa 13 Mei 1969 yang mengganggu-gugat perpaduan etnik di Malaysia. Tercetusnya tragedi 13 Mei berpunca daripada kempen pilihan raya yang menimbulkan isu perkauman sensitif. Rukun Negara dibentuk dengan tujuan utama, iaitu membentuk perpaduan kukuh dalam kalangan rakyat dan menjadi identiti rakyat Malaysia. Bagi mencapai matlamat ini, lima prinsip Rukun Negara yang dinyatakan perlu difahami dan dihayati oleh setiap lapisan masyarakat sebagai asas perpaduan demi pembinaan negara bangsa di Malaysia. Oleh itu, penghayatan prinsip Rukun Negara perlu dipupuk dan disemai dalam kalangan masyarakat sejak kecil.

Dipetik dan diubah suai daripada
"Rukun Negara Asas Perpaduan Pembinaan Negara Bangsa"
<https://www.bharian.com.my>

[Lihat halaman sebelah

SOALAN

1. Bilakah Rukun Negara diisytiharkan?
2. Nyatakan tujuan Rukun Negara dibentuk.
3. Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan perpaduan kaum di negara kita?
4. Huraikan langkah-langkah untuk mengekalkan perpaduan kaum.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**JAWAPAN :**

- ✓ Soalan 1 – Ayat yang **BERHURUF TEBAL**
- ✓ Soalan 2 – Ayat yang **BERGARIS**

**NASKHAH
PENTAKSIR****BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 10**

[40 markah]

TEMA : KESELAMATAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

DADAH MUSUH NEGARA

Peribahasa Melayu ada menyatakan bahawa pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara. Namun begitu, **ada segelintir pemuda dan pemudi di negara ini menghadapi masalah apabila terlibat dalam penyalahgunaan dadah.** Pelbagai usaha pencegahan telah diambil tetapi masih kurang memberikan kesedaran kepada para remaja. Siapakah yang harus disalahkan atas pelibatan mereka dalam penyalahgunaan dadah? Dalam hal ini, ibu bapa seharusnya bertanggungjawab untuk membimbing remaja sejak kecil dengan memberikan didikan yang sempurna. Kajian mendapati bahawa penjualan daun ketum dan pil kuda dalam kalangan murid sekolah kini semakin berleluasa. Hasil dapatan jelas menunjukkan bahawa keluarga, masyarakat, sekolah, agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan perlu menggembelng tenaga dan usaha untuk menangani isu yang semakin serius kerana melibatkan murid-murid.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pengambilan Bahan Terlarang dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah',
<http://www.researchgate.net>

[Lihat halaman sebelah

SOALAN

1. Apakah masalah yang dihadapi oleh segelintir pemuda dan pemudi di negara ini?
2. Nyatakan tanggungjawab ibu bapa bagi mengelakkan anak-anak terlibat dalam penyalahgunaan dadah.
3. Pada pendapat anda, mengapakah usaha membanteras penyalahgunaan dadah dikatakan kurang berkesan?
4. Huraikan kesan-kesan penyalahgunaan dadah.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**JAWAPAN :**

- ✓ Soalan 1 – Ayat yang **BERHURUF TEBAL**
- ✓ Soalan 2 – Ayat yang **BERGARIS**

**NASKHAH
PENTAKSIR****BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 11***(40 markah)***TEMA : PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN**

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PENTERNAKAN UDANG HARIMAU

Udang harimau ialah spesies udang yang semakin banyak ditenak di Malaysia. **Udang harimau mendapat permintaan yang tinggi terutamanya pada musim perayaan Tahun Baru Cina dan Krismas.** Biasanya penternak akan membina kolam berhampiran dengan sungai atau laut untuk mendapatkan sumber air payau dan air masin. Ancaman bagi hidupan akuatik ini ialah penyakit yang berpunca daripada benih dan kawalan air. Selain itu, ancaman lain kepada udang harimau ialah memerang, ketam dan burung yang membawa kuman penyakit kepada udang. Simptom udang yang sakit dapat dikesan jika udang sudah mulai hilang selera makan, insang berwarna hitam, dan kulitnya menjadi kusam. Sebagai langkah pencegahan dan kawalan penyakit, udang yang didapati sakit akan diasingkan ke kolam yang lain.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Mengintai Habitat Udang Harimau'
oleh Zahid Ithnain,'
Buku Teks BM Tingkatan 5 KSSM,
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020

[Lihat halaman sebelah

SOALAN

1. Bilakah udang harimau mendapat permintaan yang tinggi?
2. Nyatakan ancaman-ancaman penternakan udang harimau di Malaysia.
3. Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan bidang penternakan udang?
4. Jelaskan usaha-usaha yang boleh dilakukan bagi menarik minat masyarakat untuk menceburi bidang penternakan?

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**JAWAPAN :**

- ✓ Soalan 1 – Ayat yang **BERHURUF TEBAL**
- ✓ Soalan 2 – Ayat yang **BERGARIS**

**NASKAH
PENTAKSIR****BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 12***(40 markah)***TEMA : SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KEJURUTERAAN PERISIAN

Pengajian kejuruteraan perisian di universiti memberikan peluang kepada graduan untuk mendapatkan pekerjaan. Hal ini dikatakan demikian kerana **ledakan teknologi dan Internet pada masa ini menjadikan kejuruteraan perisian sebagai medium komunikasi dan maklumat terpenting dalam memacu ekonomi negara**. Terdapat banyak perisian dan aplikasi yang dihasilkan untuk membuktikan dunia sedang menuju masa depan digital. Contohnya, urus niaga tanpa tunai, pertemuan secara maya dan pelbagai aplikasi lain boleh dimuat turun daripada telefon pintar. Ciri-ciri perisian dan aplikasi yang baik ialah bersifat mesra pengguna, mudah diakses, boleh beroperasi dengan cekap dan boleh digunakan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Tegasnya, perkembangan pesat bidang perisian telah memudahkan urusan harian manusia seperti e-dompet dan perbankan Internet.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kepentingan Bidang Kejuruteraan Perisian'
Oleh Mohd Nizam Mohd Yatim
www.utusan.com.my, 27 Oktober 2020

[Lihat halaman sebelah

SOALAN

1. Mengapakah pengajian kejuruteraan perisian di universiti memberikan peluang kepada graduan untuk mendapatkan pekerjaan?
2. Nyatakan ciri-ciri perisian dan aplikasi yang baik.
3. Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan Internet?
4. Huraikan cara-cara untuk menggalakkan orang ramai memanfaatkan Internet.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**JAWAPAN :**

- ✓ Soalan 1 – Ayat yang **BERHURUF TEBAL**
- ✓ Soalan 2 – Ayat yang **BERGARIS**

**NASKHAH
PENTAKSIR****BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 13***(40 markah)***TEMA : PELANCONGAN**

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

EKOPELANCONGAN JADI PILIHAN PELANCONG

Ekopelancongan merupakan antara tarikan utama pelancong untuk datang ke Malaysia. Mereka tertarik untuk melancong ke negara kita untuk melihat keindahan alam semula jadi. Dari Pulau Langkawi hinggalah ke Pulau Sipadan, **keindahan flora dan fauna yang dimiliki oleh negara kita sukar ditandingi oleh negara lain.** Pelancong dapat menikmati keunikan dan keindahan alam semula jadi dengan Hutan Hujan Tropika yang masih hijau, memiliki kepelbagaian biologi, sungai dan air terjun yang menarik serta pantai yang bersih dan indah. Malaysia juga memiliki hutan tertua di dunia, iaitu Hutan Belum di Perak yang berusia lebih daripada 130 juta tahun dan lebih tua daripada Hutan Amazon. Pakej penginapan berkonsepkan inap desa juga ditawarkan untuk menarik minat pelancong luar negara menikmati suasana kehidupan di luar bandar.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Ekopelancongan Jadi Pilihan Pelancong'
oleh Mohd Fazli Zainal Abidin & Ridauddin Daud,
Sinar Harian, 31 Mac 2019

[Lihat halaman sebelah

SOALAN

1. Mengapakah pelancong luar tertarik untuk melancong ke Malaysia?
2. Nyatakan hutan tertua di dunia.
3. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah untuk mempromosikan kawasan pelancongan di Malaysia?
4. Jelaskan kepentingan-kepentingan sektor pelancongan kepada negara.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**JAWAPAN :**

- ✓ Soalan 1 – Ayat yang **BERHURUF TEBAL**
- ✓ Soalan 2 – Ayat yang **BERGARIS**

**NASKHAH
PENTAKSIR****BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 14**

(40 markah)

TEMA : SUKAN DAN REKREASI

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KEPENTINGAN AKTIVITI REKREASI

Aktiviti rekreasi biasanya dilakukan pada waktu lapang oleh rakyat Malaysia. Antara **aktiviti rekreasi yang biasa dilakukan oleh masyarakat seperti berjoging, berenang dan bermain badminton**. Aktiviti ini dijalankan di taman-taman rekreasi dan di tepi pantai. Aktiviti ini banyak memberikan manfaat kepada masyarakat seperti dapat membentuk komuniti yang bukan sahaja sihat dari segi kesihatan malah sihat dari segi perhubungan masyarakat itu sendiri. Selain itu, kepentingan aktiviti rekreasi juga dapat melapangkan minda dan menghilangkan stres. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam mengharungi kesibukan urusan harian dan tekanan belajar, aktiviti ini dilihat sebagai satu penyelesaian kepada kita untuk melapangkan minda daripada urusan pekerjaan. Oleh itu, masyarakat seharusnya berpegang teguh pada prinsip badan sihat otak cerdas.

Dipetik dan diubah suai daripada
ICT dalam Pendidikan
oleh Fadzliaton Zainudin,
sumberdigital.wordpress.com

[Lihat halaman sebelah

SOALAN


1. Apakah aktiviti-aktiviti rekreasi yang biasa dilakukan oleh masyarakat?
2. Nyatakan kepentingan-kepentingan aktiviti rekreasi.
3. Pada pendapat anda, mengapakah masyarakat dikatakan kurang gemar melakukan aktiviti rekreasi?
4. Jelaskan cara-cara untuk menggalakkan masyarakat berekreasi.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**JAWAPAN :**

- ✓ Soalan 1 – Ayat yang **BERHURUF TEBAL**
- ✓ Soalan 2 – Ayat yang **BERGARIS**

**NASKHAH
PENTAKSIR****BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 15***(40 markah)***TEMA : SEJARAH DAN WARISAN**

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PERMAINAN TRADISIONAL

Menurut Profesor Dr. Abdul Muati Ahmad, ramai generasi muda hari ini kurang mengetahui permainan tradisional. **Antara permainan tradisional di negara kita seperti batu seremban, congkak, gasing, sepak raga dan wau.** Namun begitu, permainan tradisional ini semakin dilupakan. Senario ini merugikan kerana permainan tradisional merupakan khazanah warisan masyarakat Melayu yang mempunyai nilai tersendiri dan perlu dipelihara. Kebanyakan rumah pada zaman dahulu tidak mempunyai televisyen yang menyebabkan anak-anak mengisi masa lapang dengan bermain permainan tradisional. Seiring dengan perkembangan teknologi, kanak-kanak zaman ini lebih suka bermain permainan video berbanding dengan permainan tradisional. Oleh itu, kerajaan perlu mengambil langkah untuk memastikan permainan tradisional tidak dipinggirkan oleh generasi muda hari ini agar warisan budaya terus diwarisi dan tidak terkubur begitu sahaja.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Dekati Permainan Tradisional'
oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin.
<https://www.hmetro.com.my>

SOALAN

1. Nyatakan permainan tradisional yang terdapat di negara kita.
2. Mengapakah kerajaan perlu mengambil langkah untuk memastikan permainan tradisional tidak dipinggirkan oleh generasi muda?
3. Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha untuk mempopularkan permainan tradisional?
4. Jelaskan nilai-nilai murni yang mampu dipupuk daripada permainan tradisional.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**JAWAPAN :**

- ✓ Soalan 1 – Ayat yang **BERHURUF TEBAL**
- ✓ Soalan 2 – Ayat yang **BERGARIS**

**NASKHAH
PENTAKSIR****BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 16***[40 markah]***TEMA : PENDIDIKAN**

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PENGAJIAN DI TINGKATAN ENAM

Pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia mempunyai pelbagai pilihan untuk melanjutkan pelajaran. Pelajar yang memperoleh keputusan yang cemerlang akan memilih untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tempatan atau luar negara. Pelajar juga mempunyai pilihan untuk meneruskan pengajian ke **Tingkatan Enam yang beroperasi di sekolah-sekolah menengah harian bantuan penuh kerajaan yang terpilih**. Pengajian selama tiga penggal ini menawarkan dua aliran, iaitu aliran Sains Sosial dan aliran Sains. Penstrukturan dan penjenamaan semula Tingkatan Enam telah menerapkan tiga kemahiran utama seperti kemahiran kognitif, kemahiran manipulatif dan kemahiran insaniah. Penstrukturan dan penjenamaan semula Tingkatan Enam ini diharapkan dapat melahirkan kelompok pelajar yang berdaya saing dan mampu merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan untuk menjadikan Tingkatan Enam sebagai pilihan utama lepasan Sijil Pelajaran Malaysia bagi melanjutkan pelajaran.

Dipetik dan diubah suai daripada
<https://www.malaysia.gov.my/portal>

[Lihat halaman sebelah

SOALAN

1. Di manakah Tingkatan Enam beroperasi?
2. Nyatakan kemahiran-kemahiran utama yang diterapkan dalam penstrukturan dan penjenamaan semula Tingkatan Enam.
3. Pada pendapat anda, mengapakah pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia tidak berminat untuk meneruskan pengajian di Tingkatan Enam?
4. Huraikan kebaikan-kebaikan belajar di Tingkatan Enam.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**JAWAPAN :**

- ✓ Soalan 1 – Ayat yang **BERHURUF TEBAL**
- ✓ Soalan 2 – Ayat yang **BERGARIS**